


Peringatan: Tiap-tiap pembaca yang mendatangkan pertanyaan hendaklah memberi nama dan alamatnya yang terang. Pertanyaan-pertanyaan yang tidak menyertakan alamat-alamatnya dan namanya yang terang beserta dengan pertanyaan itu tidak akan dilayan. – Abu al-Mokhtar



(Khas bagi Qalam sahaja – tidak dibenarkan dikutip)

A. Jafi bin Mat Roem, Tualang Sakah, bertanya : Mengapa warta-warta berkenaan dengan tindakan-tindakan pengganas yang diterbitkan oleh surat khabar-khabar dan juga yang disiarkan oleh radio Malaya itu tiada begitu jelas sebagaimana dahulu dengan menyatakan tempat-tempat kejadian itu berlaku tetapi sekarang hanya dengan nama negeri sahaja.

Jawab – warta-warta itu adalah diterbitkan oleh pihak kerajaan yang berkетanggungan atas soal itu. Perbuatan mereka yang begitu tentulah ada mengandung maslahat-maslahat yang baik bagi orang ramai juga. Kerajaan tiada akan berbuat sebarang apa melainkan ada faedah dan kebijikan bagi orang ramai.

-----*-----*

Fadhil Osman Kampung Talang, Kuala Kangsar. Bertanya : Bagaimana jikalau nikah gantung di dalam dua tiga bulan itu bolehkah kita berpeluk-peluk bersayang-sayang di antara kedua sebelum hari bersatu itu ?

Jawab- jikalau sudah boleh berpeluk-peluk bersayang-sayang di antara dua orang yang bernikah gantung itu bukanlah dinamakan nikah gantung lagi. Jikalau hendakkan begitu baiklah nikah langsung. Tak siapa yang akan runsing lagi!

-----*-----*

Ros Afendi, bertanya : Bagaimana hukumnya seseorang yang telah memutuskan tali persaudaraan dunia akhirat, sama ada dengan lafadz atau dengan tulisan.

Jawab – memutuskan tali persaudaraan (persaudaraan keagamaan atau persaudaraan darah daging) dalam erti kata tiada mengaku lagi bersaudara dalam Islam atau di dalam kerabat, tidak

digemari oleh ajaran agama kita (Islam) sebab Islam mengehendaki kita semua bersaudara dan berpegang dengan tali Allah (Al-Quran) dan jangan bercerai berai. Jadi perbuatan memutuskan tali persaudaraan dengan lafadz atau tulisan itu adalah berlawanan dengan kehendak-kehendak ajaran Islam.

-----*-----*

Ismail bin Haji Abdul Rahim, Klang, bertanya:

1. Mengapa orang-orang di negeri Arab memakai baju jubah dan tebal pula pada hal negeri itu banyak padang pasir dan hawa negerinya panas ?
2. Pada musim hujan ataupun hari hujan lebat banyak katak-katak bersukaria, ke mana perginya pada musim panas.

Jawab – orang-orang Arab memakai jubah itu kerana itulah pakaian mereka. Jubah itu jadi pendinding atau penahan panas matahari yang terik itu mengenai tubuh badan mereka. Lebih-lebih lagi apabila mereka berpeluh maka anak baju yang di dalam itu sentiasa lembap yang demikian menyegukkan badan mereka. Dan lagi jubah dan ikal itu banyak digunakan bagi melindungkan tubuh badan daripada pasir-pasir yang berterbangan waktu angin pasir iaitu suatu perkara yang boleh dikenakan selalu berlaku di tanah Arab itu dan di padang-padang pasir yang lain.

2. Katak memang sukakan hujan dan air. Pada waktu

musim panas pergihal mereka mencari tempat yang ada air dan di situlah mereka diam.

Muhammad Rasyid bin Saidi, Ulu Yam, Selangor, bertanya:
Jikalau seorang perempuan telah sah hamil oleh seorang lelaki dengan jalan zina kemudian berkahwin mereka kerana menutup malu maka adakah sah nikahnya,

2. Mana yang lebih afdal fitrah dikumpulkan oleh Amil atau kita sendiri memberikan kepada orang yang wajib menerimanya

Jawab – (1) Nikahnya sah.

2. Lebih afdal dikumpulkan oleh Amil jika fitrah yang dikumpulkan itu diurus mengikut cara yang dikehendaki oleh syara'

Modern Jahiliah, Pasir Mas, Kelantan, bertanya: Apa

hukum taklik (2) Manakah yang lebih manfaat mengeluarkan zakat kepada kerajaan atau memberikannya kepada fakir miskin ?

Jawab : (1) Taklik cara yang dibuat oleh setengah-setengah Tok Kadi dalam setengah-setengah negeri itu tidak dibuat oleh Nabi Muhammad (SAW). Atau oleh sahabat-sahabat atau oleh ulama-ulama yang dahulu-dahulu. Cara itu mendatang kemudian. 2 Zakat hendaklah diberikan kepada 8 jenis orang yang berhak menerimanya itu. Jenis-jenis itu sudah disebutkan dalam keluaran " Qalam" yang lalu.

Muhammad bin Abdullah, Pudu, Kuala Lumpur, bertanya
bilakah Kaabah itu dibuat ?

Jawab : Mengikut kata setengah-setengah qaul adalah Kaabah itu telah ada sebelum dunia ini dijadikan oleh Tuhan, setengah-setengah berkata sama jadinya dengan dunia ini. Dalam Al-Quran ada berkata Kaabah itu awal pertama rumah yang dibina bagi manusia.

Mansor Hussain, Burma Road, Pulau Pinang, bertanya katanya

bagaimana caranya supaya orang hormat kepada kita.

Jawab : Hormatilah orang maka orang akan hormat kepada kita. Berbudiilah kepada orang maka orang akan berbudi kepada kita.

Alang Ahmad, Pekan Lama, Ipoh, bertanya apakah gunanya perempuan-perempuan menuntut ilmu yang tinggi-tinggi.

Jawab : Menuntut ilmu tiada terhad hanya untuk laki-laki. Laki-laki dan perempuan sama difardhukan menuntut ilmu. Perempuan difardhukan menuntut ilmu yang tinggi-tinggi supaya ia dapat menjadi ibu yang berhemah tinggi dan dapat mendidik anak-anaknya berhemah tinggi pula.

SUKARIA YANG PENUH?

Yang memakaikan masyarakat istimewa

Dilarang dan ditegah benar-benar digunakan oleh orang bujang. Taj An-Nisa' Makjum Permaisuri faedahnya selain daripada mengembalikan Bikir Dara, membaiki 15 perkara lagi. Orang lelaki pun boleh juga memakannya dengan menambahkan kekuatan dan kembali seperti teruna. Berguna bagi tiap-tiap peringkat. Tidak berjaya dikembalikan wangnya.

Sebotol besar \$ 50 makan sebulan

Sebotol kecil \$3.20 – bersih pos.

C. MOHD . BIN ABD. RAHMAN

NO.154 & 5A, MARANG, TERENGGANU.

ATAU NO.126, KEDAI PAYANG,

TERENGGANU

Di Singapura : A. Hasyim 134 Arab Street.